

PROMOSI TAKAFUL CARUMAN TETAP CNY 2024 [\(English Version\)](#)

Dikemas kini pada 17 January 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Takaful Caruman Tetap CNY 2024” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB” atau “Bank”) bermula pada 22 Januari 2024 dan berakhir pada 29 Februari 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ini (“T&S”).

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada peserta (“Pelanggan”) yang mendaftar untuk HLM Takaful Amanah Saver, HLM Takaful Legacy / Legacy Plus dan/atau HLM Takaful Secure 3 / 3 Plus (“Pelan”), iaitu produk yang diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful (“HLMT”) di mana-mana cawangan HLISB atau Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) semasa Tempoh Promosi.
2. Untuk menyertai Promosi ini dan layak mendapat hadiah penyertaan (“Ganjaran”), Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah:
 - a) Pelanggan mendaftar sebarang Pelan yang dinyatakan dalam Klausa 1;
 - b) Sumbangan untuk Pelan mestilah secara tahunan;
 - c) Jumlah minimum sumbangan tahunan adalah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000); dan
 - d) Sijil takaful telah dikuatkuasakan oleh HLMT dan Pelanggan tidak melaksanakan hak tempoh bertenang. Butiran hak tempoh bertenang adalah seperti yang terkandung di dalam Helaian Pendedahan Produk dan/atau sijil Pelan.

KAEDAH PROMOSI

3. Pelanggan Layak akan berpeluang memenangi fon telinga tanpa wayar JBL yang akan diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat kepada 20 Pelanggan pertama.
4. Ganjaran akan diagihkan dalam tempoh 90 hari dari tarikh sijil takaful dikuatkuasakan berdasarkan pada senarai yang disediakan dan disahkan oleh HLMT.
5. Ganjaran tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat barangan.
6. **Pelanggan Layak** akan dihubungi oleh pihak Bank sama ada secara bertulis, panggilan telefon, perkhidmatan pesanan ringkas (“SMS”) atau mana-mana cara yang praktikal bagi Bank (“Notifikasi”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon atau alamat Pelanggan yang terkini yang terdapat dalam sistem Bank atau rekod HLMT.

AM

7. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:
 - a) telah membaca, memahami dan menerima untuk mematuhi dan terikat dengan T&S ini;

- b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan.
8. HLISB berhak:
- a) untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, mengikut budi bicara HLISB sama ada dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu;
 - b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Promosi atas sebab tidak mematuhi T&S dengan memberi notis terlebih dahulu.
9. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, ambiguiti dan/atau pencanggahan antara T&S Bahasa Inggeris and terjemahan T&S Bahasa Malaysia, T&S Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
10. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
11. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

PENAFIAN TAKAFUL

Dokumen ini tidak bermaksud sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan Takaful mahupun permintaan oleh HLISB untuk melanggan Takaful kepada sesiapa sahaja. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan risalah/kontrak sijil produk sebelum bersetuju untuk melanggan.

NOTA PENTING:

Pelan di atas diunderait oleh HLMT. HLMT ialah Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ahli PIDM. Perlindungan oleh PIDM ke atas faedah yang perlu dibayar daripada bahagian unit Sijil ini adalah tertakluk pada had yang tertentu. Sila rujuk risalah TIPS PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).